

SOALAN NO. 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan terhadap ibu tunggal di Sarawak sepanjang tahun 2015 dan apakah kekangan pihak Kementerian untuk menyalurkan bantuan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

Tuan yang dipertua,

Sepanjang tahun 2015, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan pelbagai program dan inisiatif bagi membantu golongan ibu tunggal secara khususnya, dan wanita secara amnya, bagi membina kemahiran dan meningkatkan pendapatan mereka.

Sehubungan itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku peneraju telah melaksanakan inisiatif bagi membantu golongan berpendapatan rendah keluar daripada kepompong kemiskinan menerusi Program 1AZAM, iaitu dalam bidang perniagaan (AZAM Niaga) dan perkhidmatan (AZAM Khidmat) yang telah disertai oleh **4,341 orang** peserta ibu tunggal dari seluruh Malaysia.

Bagi Negeri Sarawak pula, terdapat seramai 73 orang peserta ibu tunggal telah menyertai Program 1AZAM bagi tahun 2015 sahaja. Jumlah keseluruhan peserta ibu tunggal bagi negeri tersebut dari tahun 2011 sehingga 2015 adalah seramai 243 orang.

Selain Program 1Azam, Kementerian juga turut menyediakan bantuan melalui Program MamaCare iaitu program penjagaan wanita selepas bersalin. Program MamaCare merupakan salah satu usaha Kementerian untuk mempekasakan wanita dalam ekonomi sekali gus dapat meningkatkan taraf isi rumah berpendapatan rendah. Program ini merupakan pengupayaan kapasiti mensasarkan golongan ibu tunggal dan warga emas serta wanita dalam golongan berpendapatan rendah dimana peserta diberi latihan berkaitan penjagaan selepas bersalin. Hingga kini, seramai 10 orang ibu tunggal di Sarawak telah menyertai dan mendapat manfaat daripada program dengan purata pendapatan setahun pada 2015 adalah sebayak RM138,399.00 (bagi 10 orang peserta).

Selain itu, Kementerian juga menyediakan Bantuan Geran Pelancaran (*launching grant*) iaitu bantuan sekaligus dengan kadar maksimum RM5,000.00 diberikan daripada Kerajaan Persekutuan kepada klien di Negeri Sarawak yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan

menceburi bidang ekonomi. Bantuan ini membolehkan klien agensi di bawah Kementerian terutama penerima bantuan di kalangan ibu tunggal menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Bagi tahun 2015 seramai 220 kes ibu tunggal telah menerima manfaat Bantuan Geran Pelancaran dengan peruntukan sebanyak RM1,001,820.00. Selain bantuan berbentuk Geran Pelancaran, Kementerian melalui agensi di bawahnya juga turut menyediakan bantuan kepada anak ibu tunggal melalui Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Am. Bantuan akan diberikan kepada ibu tunggal yang mempunyai anak berkelayakan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Pada tahun 2015, sebanyak 6,970 kes layak menerima Bantuan Kanak-kanak dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM18,116,150.00. Ibu tunggal di Sarawak juga turut mendapat Bantuan Am yang disediakan oleh Kementerian kepada mereka yang berkelayakan dan pada tahun 2015, sebanyak 2,020 kes penerima bantuan am mendapat bantuan berjumlah RM4,510,740.00.

Bagi memperkasakan ekonomi dan meningkatkan kemahiran serta kesejahteraan wanita, sebanyak RM 97,090.00 telah diperuntukkan untuk menjalankan program-program di Sarawak dan sebanyak lima (5) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) & Program Inkubator

Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) telah dijalankan. Program-program ini telah dimanfaatkan oleh 118 orang wanita termasuk ibu tunggal.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Bazar Wanita 1Malaysia yang merupakan salah satu program di bawah Inisiatif NBOS

- *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)* yang dipertanggungjawabkan kepada KPWKM untuk menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita untuk menjana pendapatan. Bazar Wanita 1Malaysia Sarawak telah diadakan di Pasar Satok dengan bilangan peserta sebanyak 27 orang, dimana 3 orang daripada mereka merupakan ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kekangan yang dihadapi dalam usaha untuk menyalurkan peruntukan bantuan kepada golongan ibu tunggal ialah:

1. Faktor geografi juga menjadi kekangan di mana terdapat kawasan pedalaman di negeri Sarawak yang sukar dicapai oleh Jabatan/Agensi berkaitan. Hal ini ada menyebabkan maklumat bantuan kurang diketahui oleh golongan sasar yang berada di kawasan pedalaman.

2. Tiada data terperinci bagi golongan ibu tunggal yang terkini di Sarawak. Berdasarkan Laporan Bancian Penduduk Tahun 2010 yang telah dikeluarkan pada tahun 2014, bilangan ibu tunggal di Sarawak ialah sebanyak 13,961 orang. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, data ibu tunggal adalah dinamik dan sentiasa berubah.
3. Jenis bantuan yang disalurkan oleh Jabatan/Agensi yang berkaitan adalah berbentuk program untuk pemerkasaan wanita yang merangkumi wanita berpendapatan rendah, termasuk golongan ibu tunggal serta OKU. Jadi, di sini mungkin bantuan secara khusus untuk ibu tunggal sukar dilihat ataupun dilihat sebagai tidak menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 103

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah semasa anggota Skuad Muda 1JPJ (SM1JPJ) dan apakah peranan serta impak dari kewujudan skuad ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dilancarkan pada tahun 2013, Skuad Muda 1JPJ (SM1JPJ) telah berjaya mendaftarkan seramai 183,465 orang ahli. SM1JPJ berperanan sebagai skuad sukarela berstruktur yang mempunyai keahlian rasmi dan mempunyai saluran khusus untuk berinteraksi dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi menjalankan kerja-kerja kesukarelaan khususnya dalam bidang keselamatan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SM1JPJ telah melaksanakan beberapa aktiviti yang selaras dengan misi penubuhannya bagi menggerakkan rakyat berbilang kaum dan peringkat umur untuk bersama-sama JPJ ke arah pembangunan negara (*nation building*) khususnya dalam aspek keselamatan jalan raya. Antara aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah Kembara Kasih Merdeka 2015 dan misi bantuan mangsa banjir 2015.

Sehubungan dengan itu, kewujudan SM1JPJ ini akan menjadi *change agent* dalam membawa gelombang kesedaran keselamatan di atas jalan raya yang mana ia adalah sejajar dengan matlamat JPJ untuk meningkatkan *Perception Of being Caught* (POBC) daripada 25 peratus kepada 75 peratus pada tahun 2020 dan menurunkan indeks kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar kepada 2.0 pada tahun 2020.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR
[KULIM BANDAR BARU]**
TARIKH : **19 MEI 2016 [KHAMIS]**
SOALAN : **104**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah kajian penerbitan yang telah dihasilkan oleh saintis negara yang telah menjadi rujukan di peringkat antarabangsa dan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan lagi penghasilan hasil kajian saintis tempatan yang bertaraf antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa memberi komitmen tinggi untuk mengembang luas pencapaian penemuan saintifik serta kesedaran sains di kalangan masyarakat. Dana dan geran penyelidikan yang ditawarkan oleh Kementerian telah berjaya membantu para saintis tempatan menghasilkan penerbitan, harta intelek dan anugerah di dalam dan luar negara. Usaha-usaha ini telah meningkatkan pembangunan keupayaan para saintis untuk lebih berdaya saing serta seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui sains, teknologi dan inovasi.

Berdasarkan Kajian Bibliometrik 2015 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), sejumlah 90,128 artikel penyelidikan dan kertas persidangan di peringkat antarabangsa telah dihasilkan oleh saintis Malaysia dari tahun 2001 hingga 2014. Data menunjukkan bilangan kajian penerbitan ini telah

meningkat dari tahun ke tahun dengan penumpuan kepada bidang Sains Bahan, Kristalografi, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Kimia serta Sains Pelbagai Disiplin (*Multidisciplinary Science*). Rekod terkini menunjukkan sebanyak 15,915 kajian penerbitan telah dihasilkan pada tahun 2014, iaitu 10,499 artikel penyelidikan dan 5,416 kertas persidangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Petunjuk sitasi (*citation*) adalah antara petunjuk untuk mengukur bilangan rujukan terhadap penerbitan di kalangan saintis di serata dunia, termasuk Malaysia. Bagi tempoh 2001 hingga 2014, sebanyak 394,353 petikan daripada sejumlah 59,131 artikel penyelidikan oleh saintis tempatan telah dipetik. Bagi tahun 2014 sahaja, jumlah sitasi adalah sebanyak 8,525 daripada 10,499 artikel penyelidikan dan dijangka akan terus meningkat. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan oleh saintis tempatan menjadi rujukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh, Thomson Reuters telah mengiktiraf empat orang saintis Malaysia sebagai *World's Most Influential Minds* bagi tahun 2014 dan 2015 kerana menghasilkan jumlah artikel penyelidikan serta sitasi yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI dan kementerian lain sentiasa menjalankan kerjasama dan kolaborasi STI dengan badan ternama dunia untuk mengantara bangsaan penyelidikan tempatan. Sebagai contoh, Program Newton-Ungku Omar Fund menyediakan dana padanan (*matching grant*) sebanyak 4 juta pound setahun di antara kerajaan Malaysia dan United Kingdom. Ini membuka peluang kerjasama kepada para saintis tempatan untuk membuat penyelidikan dengan penyelidik United Kingdom dalam bidang teknologi baru. Selain itu, Program Antartika memberi platform kerjasama untuk saintis tempatan menempatkan diri di peringkat dunia bersama-sama saintis luar dalam penyelidikan Antartika. Menerusi pengantarabangsaan penyelidikan seperti ini, hasil penyelidikan tempatan akan lebih dirujuk dan memberi impak.

Di peringkat universiti dan institusi penyelidikan, dasar memberi ganjaran kepada kajian penerbitan berimpak tinggi juga telah membawa hasil. Dasar ini

mendorong penyelidik untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka secara strategik di jurnal-jurnal berimpak tinggi yang diiktiraf dan dirujuk oleh penyelidik lain di seluruh dunia.

MOSTI turut memberi insentif dalam bentuk anugerah di atas kecemerlangan penyelidikan saintis tempatan. Antaranya ialah pengiktirafan kepada saintis tempatan yang menunjukkan pencapaian cemerlang. Sejak tahun 2012, seramai 110 orang saintis penyelidik Malaysia telah diiktiraf sebagai *Top Research Scientists Malaysia*. Bagi meningkatkan hasil kajian para saintis tempatan, MOSTI menggalakkan perkembangan ilmu melalui kolaborasi dan pemindahan teknologi antara penyelidik di institusi pengajian tinggi dengan pihak industri. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat melalui peningkatan produktiviti dan seterusnya tahap sosioekonomi. Usaha-usaha sebegini mampu meningkatkan lagi kualiti penyelidikan dan penerbitan oleh saintis Malaysia dan menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.